

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 23 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah projek penaiktarafan Hospital Umum Sarawak yang akan dilaksanakan, bilakah ia akan mula dilaksanakan dan apakah anggaran kos yang terlibat.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi mengatasi masalah yang dihadapi di Hospital Umum Sarawak (HUS), berbagai kerja naiktaraf telah dilaksanakan. Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam perancangan untuk membina **Blok Daycare, Blok Patologi** serta **Tempat Letak Kereta Bertingkat** di HUS, yang bakal dilaksanakan secara **Kerjasama Awam Swasta (PPP)**.

Pelaksanaan projek ini tertangguh kerana terdapat pindaan dari aspek keperluan teknikal. Buat masa ini, pihak kerajaan (yang diwakili oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)) sedang memuktamadkan dokumen teknikal Perjanjian Konsesi tersebut.

Kos pembinaan adalah dianggarkan sebanyak **RM 351 juta**.

Selain daripada itu, dalam RMKe-11 KKM juga telah menerima peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja penggantian dan menaiktaraf kemudahan lift serta kerja-kerja naiktaraf sistem penghawa dingin dan pengudaraan, di HUS. Kerja-kerja penggantian lif dan menaiktaraf sistem penghawa dingin dan pengudaraan ini akan dilaksanakan secara berfasa, dimulakan pada pertengahan tahun 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2017. Anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak **RM5.4 juta dan RM4.5 juta**.

Untuk makluman, pada RMK-11 juga, KKM telah menyiapkan pembinaan blok tambahan Pusat Penyelidikan Klinikal dan Unit Rawatan Rapi Neurosurgeri untuk Hospital Umum Sarawak yang telah dilaksanakan oleh JKR.